




# Pulau Kukup

PETA LOKASI  
LOCATION MAP





## PETUNJUK / LEGEND :

### A JETI UTAMA MAIN JETTY

Pulau Kukup juga dikenali sebagai antara pulau paya bakau terbesar di dunia tidak berpenghuni. Keluasan Pulau Kukup adalah 647.5 ha merangkumi kawasan pulau yang diliputi pokok bakau serta 807 ha lagi adalah dataran lumpur. Pada 27 Mac 1997 telah digazetkan sebagai Taman Negara Johor dan diiktiraf sebagai Tapak Ramsar pada 31 Januari 2003.

### B MERCU TANDA PULAU KUKUP KUKUP ISLAND LANDMARK

Apabila air surut anda berpeluang untuk melihat dataran lumpur di bahagian hadapan Signage Pulau Kukup. Dataran lumpur ini juga adalah tempat persinggahan burung hijrah mencari makan. Pulau Kukup juga merupakan sebahagian daripada Kawasan Penting Burung & Biodiversiti (IBA) di Johor yang telah dikenalpasti oleh Birdlife International. Kawasan IBA ini sangat penting untuk pemuliharaan burung dan hidupan liar di peringkat antarabangsa. Pulau Kukup juga telah dikenalpasti menyumbang kepada sekurangnya 1 % habitat bagi spesis burung terancam iaitu Burung Botak (*Leptoptilos javanicus*).

### C TEROWONG MASA PULAU KUKUP KUKUP ISLAND TIME TUNNEL

Kemudahan pelancongan di Pulau Kukup agak unik dan menjadi daya tarikan kepada pengunjung untuk bergambar. Tahukah anda rekabentuk kemudahan di Pulau Kukupini mengambil inspirasi daripada sejenis siput yang banyak terdapat di Pulau Kukup iaitu Siput Berongan (*Telescopium telescopium*).

### D PELANTAR PROPAGUL PROPAGUL PLATFORM

Di pelantar terapung ini menempatkan 4 batang pokok Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*). Bakau Minyak adalah salah satu daripada spesis dominan di Pulau Kukup. Spesis dominan lain di Pulau Kukup adalah Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*), Tumu Merah (*Bruguiera gymnorhiza*) dan Berus (*Bruguiera cylindrica*). Maksud spesis dominan adalah merujuk kepada spesis pokok yang mempunyai taburan paling banyak atau mudah dijumpai disesuaikan kawasan.

### E PAVILION BRAHMINY KITE BRAHMINY KITE PAVILION

Taman ini merupakan tempat persinggahan penting bagi burung air yang bermigrasi melakukan perjalanan serta menempuh pelbagai rintangan di sepanjang Laluan Asia-Australasia (EAAF). Di Pelantar Pavillion ini anda mungkin berpeluang melihat burung terbang melintasi Pulau Kukup.

### F LINGKARAN BRUGUIERA BRUGUIERA SPIRAL

Informasi Platform.

### G LANGKAH APICULATA APICULATA STEP

Telah dimansuhkan.

### H PELANTAR POKOK BAKAU TERBESAR THE BIGGEST MANGROVE TREE PLATFORM

Satu-satunya pokok bakau hibrid terbesar di Pulau Kukup yang berusia melebihi 100 tahun iaitu *Rhizophora X lamarckii*. Pokok bakau hibrid ini merupakan hasil kacukan secara semulajadi di antara spesis Bakau Minyak dan Akik Jalar. Sehingga kini pokok ini tidak mempunyai biji benih dan tidak dapat dibiakkan.

### I MENARA JAVANICUS JAVANICUS TOWER

Menara tinjau 5 tingkat ini akan memberikan pemandangan menarik kanopi pokok-pokok bakau. Anda juga mungkin berpeluang melihat burung-burung daripada menara ini. Hutan paya bakau Pulau Kukup ini menjadi habitat sekurangnya 18 spesis bakau sebenar. Kepelbagaiannya spesis bakau di Pulau Kukup boleh dianggap mempunyai kepelbagaiannya spesis yang agak tinggi jika dibandingkan dengan kawasan bakau besar lain di Semenanjung Malaysia.



## PETUNJUK / LEGEND :

J

### JETI SUNGAI ULAR

SUNGAI ULAR JETTY

Sungai terpanjang dan terbesar di Pulau Kukup sepanjang 2km. Tempat pembiakan ikan dan dahulu dikatakan ada buaya tembaga.

K

### ARBORETUM

ARBORETUM

Laluan arboretum sepanjang 70 meter ini berfungsi seperti taman botani yang membolehkan pengunjung mengenali pokok-pokok bakau secara lebih dekat. Arboretum ini mengandungi koleksi hidup pokok-pokok bakau yang dapat dimanfaatkan untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan kepada para pengunjung. Selain itu, ia juga dapat menggalakkan keinginan dan membina pengetahuan berkenaan hutan paya bakau dan landskapnya.

L

### WAKAF XYLOCARPUS

XYLOCARPUS GAZEBO

Xylocarpus adalah spesis yang terdapat di Pulau Kukup. Terdapat 3 spesis Xylocarpus di Pulau Kukup iaitu Xylocarpus Mulucansis, Xylocarpus granatum dan

M

### PLOT SEMAIAN

NURSERY

Plot semaihan ini boleh menempatkan sehingga 6000 anak pokok bakau. Aktiviti semaihan benih bakau adalah salah satu aktiviti konservasi yang boleh dijalankan di Pulau Kukup. Semaian benih ini akan dijalankan secara berterusan. Setelah anak pokok bakau mencapai tempoh matang 3-4 bulan, pokok-pokok ini akan ditanam di dalam Pulau Kukup atau di luar pulau mengikut keperluan dan permintaan.

N

### PLOT DIRAJA JOHOR

JOHOR ROYAL PLOT

Plot ini adalah plot khas menempatkan anak pokok bakau yang ditanam oleh keluarga Di Raja Johor. Ia menempatkan pokok bakau Berut Mata Buaya (*Bruguiera hainesii*) yang telah ditanam oleh Permaisuri Johor DYMM Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah. Serta turut menempatkan pokok Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*) yang telah ditanam oleh Tunku Laksamana Johor Almarhum Tunku Abdul Jalil Ibni Sultan Ibrahim.

O

### PELANTAR AKAR JANGKANG TERTINGGI

THE HIGHEST STILT ROOT PLATFORM

Pelantar ini adalah pelantar khas menempatkan pokok Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*) yang mencatatkan akar tertinggi di Pulau Kukup iaitu 18 kaki. Tahukah anda akar pokok bakau adalah unik iaitu akar jangkang sebagai ciri penyesuaian kepada pokok bakau di kawasan berlumpur. Akar jangkang ini berfungsi sebagai penyokong pokok serta bernafas melalui akarnya.

P

### SUNGAI ULAR

SUNGAI ULAR

Terdapat 6 sungai di Pulau Kukup iaitu Sg Solok, Sg Ular, Sg Sedang, Sg Tongkang, Sg Merah & Sg Jempol. Hanya Sg Ular sahaja yang dibuka untuk lawatan pelawat bagi aktiviti menaiki bot. Sg Ular mendapat nama daripada kisah mitos iaitu dipercayai pada masa dahulu Pulau Kukup dijaga oleh seekor ular gergasi. Dipercayai ular gergasi itu menghuni kawasan lapang di tengah-tengah pulau dan sering berulang alik di antara Pulau Kukup, Pulau Pisang dan Pulau Karimon, Indonesia.

Q

### MENARA AVICENNIA

AVICENNIA TOWER

Avicennia adalah spesis bakau dilapisan hadapan untuk memecahkan ombak dan mengukuhkan struktur tanah. Menara ini juga dijadikan tempat untuk pemerhatian burung.

R

### PELANTAR BERONGAN

BERONGAN PLATFORM

Mengapa tempat ini dinamakan sebagai Pelantar Berongan? Cuba anda lihat bentuknya, apakah yang anda nampak? Siput berongan kan? Pelantar ini dibina diinspirasikan Siput Berongan atau nama saintifiknya *Telescopium*. Jika anda lihat siput ini, ia berbentuk seperti kon. Disebabkan itulah pelantar ini berbentuk kon yang pastinya membuatkan anda terpukau dengan bentuknya yang menakjubkan.



## **PETUNJUK / LEGEND :**

### **1 PEREPAT/ MANGROVE APPLE**

*Sonneratia alba*

- Ekologi : Merupakan spesis pelopor dalam pembentukan hutan bakau. Pokok yang mudah dijumpai di kawasan sungai, tebing yang berlumpur dan kawasan pingir pantai.
- Daun : Warna hijau cerah, bentuk bujur lebar dan bentuk lekuk pada hujungnya.
- Buah : Warna hijau, kelopak buah melengkung ke belakang.
- Akar : Akar pensel.
- Kegunaan : Kulit menghasilkan warna ungu. Buah boleh dimakan. Batang dan dahan pokok sebagai bahan kayu api.

### **2 API-API LUDAT**

*Avicennia Officinalis*

- Ekologi : Pokok ini biasanya tumbuh di sepanjang tebing sungai pasang surut dan muara sungai.
- Daun : Daun yang berwarna hijau kilat di permukaan dan berbulu di bawah dan berbentuk bujur.
- Bunga : Mempunyai saiz bunga yang kecil yang berwarna kuning.
- Akar : Sistem akar yang menegak yang dipanggil pneumatofor.
- Kegunaan : Buah yang boleh dimakan. Kayu dapat digunakan sebagai sumber kayu api.

### **3 TENGAR/ YELLOW MANGROVE**

*Ceriops tagal*

- Ekologi : Spesis ini mudah tumbuh dikawasan berhampiran sungai dan kawasan bertanah liat.
- Daun : Warna hijau kekuningan, bentuk bujur telur dan tumpul di bahagian hujung daun.
- Buah : Warna hijau dan bersaiz panjang.
- Akar : Akar lutut.
- Kegunaan : Kulit dan kayu pokok menghasilkan tanin yang digunakan sebagai bahan pewarna cat. Kayu sebagai bahan bakar, arang dan untuk membuat bangunan.

### **4 POKOK BAKAU MINYAK/ RED MANGROVE**

*Rhizophora apiculata*

- Ekologi : Merupakan salah satu spesis bakau yang dominan di Malaysia. Spesis ini tumbuh ditanah yang dalam, lembut, berlumpur dan sering dibanjiri dengan air pasang.
- Daun : Warna hijau, pucuk muda warna merah, tulang daun dibahagian belakang berwarna merah.
- Buah : Buah bentuk silinder berwarna hijau turut dikenali sebagai propagul.
- Akar : Akar Jangkang.
- Kegunaan : Kayu digunakan untuk pembinaan sebagai kayu cerucuk. Sebagai arang dan perabot.

### **5 POKOK TUMU MERAH/ BLACK MANGROVE**

*Bruguiera gymnorhiza*

- Ekologi : Spesis ini biasa dijumpai dikawasan yang jarang dinaiki air pasang. Pokok ini juga dapat hidup dikawasan kering yang mengandungi sedikit air tawar dan hampir dengan kawasan daratan.
- Daun : Nipis, bentuk bujur dan tirus dihujungnya.
- Buah : Warna merah dan kelopak bunga yang besar.
- Akar : Akar lutut.
- Kegunaan : Kayu digunakan sebagai bahan binaan dan kayu api. Batangnya boleh dijadikan propagul.



## **PETUNJUK / LEGEND :**

### **API-API PUTIH/ WHITE FIREFLY MANGROVE**

*Avicennia alba*

- Ekologi : Terdapat dikawasan tebing sungai, pantai yang terlindung di tepi pantai. Mampu beradaptasi di kawasan air yang bersolariti tinggi.
- Daun : Daun yang tirus berwarna hijau kilat di atas permukaan dan berwarna pucat keputihan dibawah permukaan daun.
- Buah : Bentuk kapal, berwarna hijau dan membentuk apeks yang bermuncung.
- Akar : Akar lutut.
- Kegunaan : Resin dari biji benih digunakan untuk penyakit kulit. Biji benih yang telah dimasak dan dimakan.

### **POKOK BAKAU KURAP/ RED MANGROVE**

*Rhizophora mucronata*

- Ekologi : Spesis ini biasa ditemui di kawasan yang sama dengan bakau minyak. Ianya boleh beradaptasi di kawasan tebing pasir, tebing sungai dan kawasan muara.
- Daun : Berwarna kekuning-kuningan dan bahagian bawah daun terdapat bintik-bintik hitam yang kecil.
- Buah : Berwarna coklat, keras dan bentuk bujur.
- Akar : Akar jangkang.
- Kegunaan : Kayu dapat digunakan sebagai kayu api.

### **POKOK GEDABU/ MANGROVE APPLE**

*Sonneratia ovata*

- Ekologi : Pokok yang tumbuh dikawasan berlumpur dan dipengaruhi air pasang surut. Mudah didapati di kawasan yang terlindung daripada ombak laut, muara dan tepi pantai.
- Daun : Warna hijau gelap, berkilat dan berbentuk bujur.
- Buah : Bentuk bulat.
- Akar : Akar lutut.
- Kegunaan : Kayu digunakan sebagai kayu api. Buah yang boleh dimakan.

### **LANGSUYAR/ BIRD'S - NEST PERN**

*Asplenium nidus*

- Ekologi : Tumbuhan epifit yang biasa ditemui di tempat teduh dan kering.
- Daun : Warna hijau panjang, pelepas hitam dan tepi daun beralun. Daun tersusun seperti kelopak mawar yang disusun untuk mengumpul serpihan daun sebagai sumber nutrien.
- Akar : Struktur akar yang padat berbulu berwarna coklat halus.
- Kegunaan : Sebagai tumbuhan hiasan.

### **NYIREH BATU/ MOLUCCAS TREE**

*Xylocarpus moluccensis*

- Ekologi : Biasa ditemui di pantai berpasir dan tebing sungai yang terdedah kepada air pasang surut.
- Daun : Warna hijau cerah, tersusun secara berpasangan, pangkal daun tebal dan bentuk bujur dan tirus dihujungnya.
- Buah : Jenis kapsul warna hijau muda dan bertukar hijau perang apabila sudah matang.
- Akar : Akar lutut.
- Kegunaan : Kayu digunakan dalam pembinaan. Kulit kayu digunakan untuk kraftangan dan untuk membuat jaring ukat.



## PETUNJUK / LEGEND :

11

### NYIREH BUNGA/ CEDAR MANGROVE

*Xylocarpus granatum*

- Ekologi : Spesis yang tumbuh di muara sungai dan pinggir sungai.  
Daun : Bentuk elips, bujur dan berwarna hijau gelap. Daunnya gugur setahun sekali.  
Buah : Bentuk bulat dan licin. Didalam buah terdapat bahagian kecil yang menyimpan biji benih.  
Akar : Akar lutut.  
Kegunaan : Kayu digunakan untuk menghasilkan perabot dan kayu arang. Batang mengandungi tanin boleh dijadikan pewarna baju. Minyak dari biji benih untuk dijadikan lampu minyak.

12

### PAKU PIAI LASA

*Acrostichum speciosum*

- Ekologi : Dijumpai dikawasan berlumpur dan sering ditenggelami air pasang. Merupakan spesies pakis yang tumbuh berumpun.  
Daun : Daun muda berwarna hijau kecoklatan. Warna perang gelap di bawah daun. Hujung daun bentuk runcing tajam.  
Kegunaan : Digunakan dalam pembinaan bumbung.

13

### BAKAU BERUS/ WHITE MANGROVE

*Bruguiera cylindrica*

- Ekologi : Terdapat di pinggir hutan paya bakau dan tumbuh di kawasan yang berlumpur dan bertanah liat.  
Daun : Bentuk elips, runcing di hujung daun. Tumbuh secara bertentangan dan berwarna hijau muda.  
Buah : Buah berkembang dalam kelopak dan membesar apabila sudah matang.  
Akar : Akar lutut.  
Kegunaan : Kayu dijadikan sebagai sumber kayu api.

14

### LENGGADAI/ SMALL FLOWER BRUGUIERA

*Bruguiera parviflora*

- Ekologi : Terdapat di kawasan pinggir dan muara pantai yang jarang dinaiki air untuk tahan dengan air masin.  
Daun : Warna hijau gelap, bujur dan runcing di hujung daun.  
Buah : Bentuk silinder dan licin.  
Akar : Akar lutut.  
Kegunaan : Kayu digunakan sebagai bahan binaan dan bahan bakar.